

Alunan koir bergema di Rumah Tangsi

Tunggu Sekejap beri ruang kepada peserta menyanyi koir secara terbuka.

Oleh IZWAN RAMLAN

BARU-BARU ini, salah satu bangunan warisan di Kuala Lumpur iaitu Rumah Tangsi bergema alunan koir lagu klasik *Tunggu Sekejap*, nyanyian Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Isi berikutan sebuah acara, Turn Up & Sing Tunggu Sekejap yang berlangsung di lokasi tersebut.

Dianjurkan oleh Rumah Tangsi di bawah platform muzik dipanggil Tangsirama dengan kerjasama The Sound Collective, komuniti berkenaan memperlihatkan sokongan terhadap industri pemuzik tempatan.

Inisiatif itu bagi memberi ruang kepada individu yang ingin melontarkan suara dalam bentuk koir secara terbuka.

Terutamanya, mereka yang tidak berpeluang untuk berkarya dan berkongsi bakat. Dalam konteks kolaborasi bersama The Sound Collective, platform itu merupakan komuniti kumpulan koir mandiri.

Justeru, pihak pengurusan Tangsirama menawarkan kepada sesiapa sahaja untuk berlatih dan menyanyikan lagu nostalgia tersebut.

Pengarah Kreatif Rumah Tangsi, Mohd. Hafizuddin Mohd. Idris berkata, peserta bukan sahaja belajar menyanyi koir dengan betul, malah berpeluang menambah kenalan baharu.

"Platform koir ini dijadikan sebagai asas untuk golongan peminat muzik bertemu dan berkumpul di Rumah Tangsi sambil berkongsi minat yang sama," katanya yang mesra dengan panggilan Hafizuddin.

Menurut beliau, Tangsirama turut mengalu-alukan semua jenis program muzik untuk diadakan di sini.

Sementara itu, Pengarah Urusan Rumah Tangsi, Ar Ahmad Ridha Abdul Razak berkata, lagu *Tunggu Sekejap* telah melimpahkan suasana klasik seiring dengan sejarah Rumah Tangsi sendiri.

"Pemilihan *Tunggu Sekejap* yang dinyanyikan oleh Allahyarham P. Ramlee menjadikan alunannya tidak hilang

Platform koir ini dijadikan sebagai asas untuk peminat muzik bertemu dan berkumpul di Rumah Tangsi sambil berkongsi minat yang sama."

Hafizuddin



Setiap peserta menyanyikan lagu *Tunggu Sekejap* selepas diajar teknik menyanyi koir yang betul.

ditelan zaman. Bahkan, ia sangat sesuai disempurnakan dengan nyanyian koir," ujarnya.

Hampir 100 peserta terlibat dalam acara tersebut. Rata-rata gembira dan berpuas hati dengan persembahan masing-masing.

Tenaga profesional

Menariknya, nyanyian koir tersebut dibimbing oleh tenaga pengajar profesional yang juga sukarelawan dalam bidang berkenaan.

Selepas menjalani latihan selama lebih kurang satu hingga dua jam, setiap individu berkoir bersama-sama dengan teknik yang betul.

Pengasas The Sound Collective, Sarah Imran berkata, tenaga pengajar yang dibawa mempunyai kemahiran nyanyian dan teruja berkongsi ilmu.

"Tenaga mahir yang hadir merupakan individu yang pakar dalam muzik dan juga guru vokal.

"Cuma, mereka tidak bergantung pada mana-mana pihak, selain berkongsi ilmu dengan peminat industri," jelasnya.

Pihak The Sound Collective dan Rumah Tangsi berharap agar peserta yang menghadiri acara tersebut mengembangkan lagi bakat dan mendapat lebih banyak peluang.

Acara itu telah menjadi rangkaian kepada sebuah lagi acara berprestij Rumah Tangsi yang bakal diadakan pada 11 Mei ini. Dikenali sebagai Tangsestra, acara berkenaan menampilkan Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama enam kumpulan muzik indie tempatan dan The Sound Collective sendiri sebagai kumpulan koir.

Acara berskala besar itu menjadi program pertama pernah diadakan di Malaysia di bawah kendalian Rumah Tangsi dan belum ada mana-mana pihak menganjurkan program seumpamanya.



Turn Up & Sing Tunggu Sekejap

Rumah Tangsi, Kuala Lumpur

Instagram : @_thesoundcollective_ dan @rumahtangsi



Hampir 100 peserta terlibat dalam acara koir lagu *Tunggu Sekejap*.